

Publication	Utusan Malaysia	Date	Thu, 10 Mar 2022
Section	Dalam Negeri	Page No(s).	7
Headline	DSA, NATSEC Asia 2022: Acara pertahanan, keselamatan terbesar ASEAN		



MENTERI Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein (tengah), Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin (kanan); dan Pengurus DSA & Conference Sdn. Bhd., Tan Sri Asmat Kamaluddin semasa Majlis Pelancaran DSA dan NATSEC Asia 2022 pada Dis 2021



ANTARA tarikan pengunjung semasa penganjuran DSA sebelum ini adalah dapat melihat dan merasai sendiri senjata dan aset yang dipamerkan.

DSA, NATSEC Asia 2022: Acara pertahanan, keselamatan terbesar ASEAN

PETALING JAYA: Setelah berhenti selama empat tahun, Defence Services Asia (DSA) dan National Security (NATSEC) Asia bakal kembali diadakan di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) bermula 28 sehingga 31 Mac 2022.

Bertemakan 'Ke Arah Era Baharu Pertahanan Dan Keselamatan', DSA 2022 yang merupakan kali ke-17 dianjurkan dan NATSEC Asia 2022 kali kedua diadakan secara serentak dengan anjuran bersama oleh Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri.

Acara mega ini adalah antara acara pertahanan dan keselamatan yang terbaik dan terbesar di rantau ASEAN, dan juga di dunia.

DSA 2022 bakal menjadi pameran antarabangsa besar pertama di Malaysia selepas pandemik dengan penyertaan lebih 25,000 pelawat dan lebih 50 buah negara dan wilayah, serta lebih 350 delegasi asing dari 45 negara dan wilayah.

Antara tetamu-tetamu kenamaan yang akan menghadiri acara berkenaan terdiri dari para Menteri Pertahanan, Timbalan Menteri, Ketua Setiausaha, Panglima Angkatan Tentera, panglima-panglima Tentera Darat, Tentera Laut, Tentera Udara, Ketua Polis serta ketua dari agensi-agensi



SETIAP kali penganjuran Defence Services Asia (DSA), Tentera Darat Malaysia sentiasa tampil dengan pavilion yang menarik dan unik.

keselamatan yang lain.

DSA 2022 juga bakal menyaksikan penyertaan lebih 1,000 syarikat yang bakal memperkenalkan perkakasan tentera, elektronik, penges, sistem dan penyelesaian untuk kegunaan darat, udara dan maritim yang paling canggih di dunia.

Ini termasuk teknologi terkin dalam dunia domain siber, taktik perang berpusatkan rangkaian, perlindungan sempadan, kepintaran buatan, penjagaan kesihatan di medan perang, sistem latihan dan simulasi, dan sistem perlindungan aset penting.

Bagi NATSEC Asia, walaupun acara ini masih baharu tetapi telah dirangka menjadi sebuah

acara pameran nasional yang dapat memanfaatkan penglibatan delegasi kenamaan terkenal dari seluruh dunia.

Lebih daripada 100 syarikat peneraju dan pelopor dalam bidang berkaitan pertahanan dan keselamatan dari seluruh dunia telah menunjukkan minat untuk menyertai NATSEC 2022.

Syarikat-syarikat tersebut akan memperkenalkan peralatan, peranti elektronik dan sistem yang sofistikasi serta terkini berkaitan industri keselamatan khususnya untuk kegunaan agensi keselamatan dalam pelaksanaan aktiviti berkaitan operasi mahupun pentadbiran.

DSA 2022 dan NATSEC Asia

2022 akan dianjurkan mengikut SOP dan garis panduan yang ketat dengan kesihatan dan keselamatan para peserta menjadi keutamaan.

Ini termasuk pelaksanaan Gelembung Pameran (*Exhibition Bubble*), yang diiktiraf semasa Mesyuarat Kuarter Menteri Malaysia pada Februari 2022.

Objektif utama bagi gelembung ini adalah bagi mempermudahkan urusan para peserta dari dalam dan luar negara.

EMPAT HARI YANG DIPENUHI AKTIVITI

Para peserta DSA 2022 dan NATSEC Asia 2022 bakal meraih manfaat daripada pelbagai aktiviti yang bakal disediakan sepanjang acara tersebut.

Ini termasuk pameran harian, wacana industri, sesi pemadaman perniagaan dan libat urus, majlis menandatangani kontrak dan MoU, demonstrasi secara langsung, dan pavilion antarabangsa yang bakal mengisi ruang keluasan 38,000 meter persegi di MITEC.

Salah satu tumpuan utama dalam acara empat hari tersebut adalah Persidangan Pertahanan dan Keselamatan Siber yang bakal diadakan pada 29 Mac 2022. Bertemakan "Masa Hadapan Keselamatan Siber di

Asia Tenggara", persidangan ini bertujuan untuk memberikan maklumat tentang ancaman, kupasan dan kegagahan siber yang terkini oleh penceraham antarabangsa serta pemimpin industri yang ternama.

Sementara itu, Forum Putrajaya, pada 29 Mac 2022, akan bertumpu kepada tanggungjawab seorang dalam dua sesi, melalui dua topik utama iaitu "Menyesuaikan diri dengan Evolusi Keselamatan Serantau" dan "Keselamatan Tanpa Sempadan".

Secara keseluruhan, DSA 2022 dan NATSEC Asia 2022 telah bersedia untuk menempa nama sebagai salah satu acara utama dalam bidang pertahanan dan keselamatan di dunia.

Bukan sekadar sebuah pameran atau persidangan, kedua-dua acara ini mempunyai rekod yang cemerlang sebagai satu platform yang mengumpulkan pencetus trend dan pemain utama global untuk bertemu, berinteraksi dan berkongsi pendapat dalam memperkasaan industri pertahanan global serta menjulang nama negara sekali lagi di persada dunia!

Untuk maklumat lanjut atau pertanyaan, sila layari [www.dsaexhibition.com](http://dsaexhibition.com) atau hantarkan emel ke enquiry@dsalexhibition.com.

DSA 2022
17th DEFENCE SERVICES ASIA
EXHIBITION & CONFERENCE
SINCE 1986
**NATSEC
ASIA 2022**

28 - 31 MAC 2022
MITEC, KUALA LUMPUR

KE ARAH ERA BAHRU
PERTAHANAN DAN
KESELAMATAN

Pameran Pertahanan dan Keselamatan yang dinanti-nantikan!
www.dsalexhibition.com

Dilakukan, Diumumkan dan Diolah oleh
KEMENTERIAN PERTAHANAN DAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI